

Sekurang2nya minggu depan

Menteri2, timbalan berpindah pejabat

KUALA LUMPUR. Isnin — Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di bawah Kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terlibat dalam pertukaran jawatan dan kenalkan pangkat berpindah pejabat secara berperingkat-peringkat mulai hari ini.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka hanya akan berbuat demikian minggu depan kerana sibuk menguruskan tugas-tugas terakhir dengan Kementerian lamanya minggu ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendahului penerimaan tugas sebagai Perdana Menteri di hari pertama pengumuman Kabinetnya Sabtu lalu.

Tugas

Bellau tidak menghadapi masalah memindahkan barang-barang keperluan pejabat seperti fail, buku dan dokumen-dokumen penting kerana pejabat barunya terletak di kawasan yang sama di Jalan Datuk Onn.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam pula menyerahkan tugas lamanya sebagai Menteri Pelajaran kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, bekas Menteri Wilayah Persekutuan, petang ini.

Datuk Musa dijangka berbincang dengan Datuk Dr. Sulaiman, Timbalannya, Datuk Chan Siang Sun dan Datuk Haji Suhaimi Haji Kamaruddin tidak lama lagi untuk menyelaraskan dasar-dasar Kementerian khususnya berhubung dengan Dasar Pelajaran

Kebangsaan dan Sistem Baru AM.

Pagi ini, Datuk Dr. Sulaiman mengadakan perbincangan terakhir dengan pegawai-pegawai tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan sebelum mengendalikannya tugas barunya di Tingkat 4, Bangunan Bank Pertanian.

Pangkat

Menteri Wilayah Persekutuan yang baru, Datuk Pangiran Othman Rauf pula berkata, beliau akan berpindah ke Kementerian barunya sebaik saja Datuk Dr. Sulaiman berpindah ke Kementerian Pelajaran.

Timbalan barunya, Enkik Idris Rauf pula tidak menghadapi masalah berpindah kerana Kementerian lamanya — Kementerian Perusahaan Awam — terletak di bangunan yang sama — Bangunan PKNS di Jalan Raja Laut.

Bekas Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Abdullah Haji Ahmad yang dinaikkan pangkat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, beliau sedang bersiap-siap untuk pindah.

Hanya tunggu masa dan hari yang sesuai, katanya lagi.

Beberapa orang Menteri juga sedang menunggu kerusi barunya dikosongkan oleh Menteri yang sebelum ini menduduki kerusi tersebut itu.

Datuk Musa misalnya, akan menggunakan bilik Menteri Hal Ewai Dalam Negeri apabila Tan Sri Ghazali Shafie berpindah ke Kementerian Luar Negeri.

Manakala Tan Sri Ghazali pula terpaksa menunggu Tengku Ahmad Rithaudeen yang berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Menurut pegawai-

pegawai yang rapat dengan Tengku Rithaudeen, beliau akan berpindah pejabat minggu depan kerana beliau akan pulang ke Kelantan Jumaat ini.

Enkik Sanusi Junid yang memegang tugas baru di Kementerian baru — Pembangunan Negara dan Luar Bandar pula tidak tahu di mana Kementerian akan diletakkan.

"Saya sendiri pun belum tahu dan saya akan menunggu Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman mengenali pejabat Kementerian itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Enkik Sanusi berpindah, proses meletakkan Kementerian itu akan

mengambil masa khususnya mengambil pekerja-pekerja baru, mencari ruang pejabat yang luas dan soal-soal penyelarasan Kementerian.

Bagaimanapun, 15 Menteri lain lega kerana tidak berusah payah berpindah pejabat.

Mereka termasuk Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamsah, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Poul Leong, Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San choon dan Menteri Kesihatan, Tan Seri Chong Hon Nyan dan Menteri Pengerangan, Datuk Mohamad Rahmat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia